

PETROLIAM

KUALA LUMPUR, 19 SEPT. (BERNAMA) — KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN AKAN MENGAMBIL ALIH DARI PETRONAS TUGAS MEMPROSES DAN MENGUATKUASAKAN LESEN-LESEN UNTUK KEGIATAN-KEGIATAN +DOWNSTREAM+ PETROLIAM MULAI 1 OKTOBER.

TUGAS MEMPROSES DAN MENGUATKUASAKAN LESEN-LESEN UNTUK KEGIATAN-KEGIATAN +UPSTREAM+ PETROLIAM AKAN TERUS DISELENGGARAKAN OLEH PETRONAS MULAI TARIKH TERSEBUT.

ATURAN PENTADBIRAN YANG BARU ITU TELAH DIUMUMKAN OLEH PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN DALAM SATU KENYATAAN YANG DIBACAKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN MENGALU-ALUKAN PENYERTAAN SEKTOR SWASTA DALAM PEMBANGUNAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN PETROLIAM DAN YANG BERKAITAN DENGANNYA DALAM KONTEKS DASAR PETROLIAM NEGARA. — BERSAMBUNG PETROLIAM 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA SEMUA LESEN BAGI KEGIATAN-KEGIATAN +DOWNSTREAM+ AKAN DIKELUARKAN SEKALI BUAT SELAMA-LAMANYA MELAINKAN JIKA DIBATALKAN.

IA AKAN MELIPUTI KEGIATAN-KEGIATAN PENAPISAN, PEKILANGAN, PENGELUARAN, PEMASARAN BORONG DAN PEMBAHAGIAN PETROLIAM DAN BARANGAN DARI PETROLIAM.

SYARAT-SYARAT YANG AKAN DIKENAKAN DALAM LESEN-LESEN PENAPISAN DAN PEKILANGAN ADALAH SAMA SEPERTI DI BAWAH AKTA PENYELARASAN PERUSAHAAN.

SYARAT-SYARAT INI TERMASUK MENGENAI KESELAMATAN ORANG RAMAI DALAM PENGELUARAN, PEMBAHAGIAN DAN PENGANGKUTAN BARANGAN, PIAWAIAN MUTU DAN PERLINDUNGAN TERHADAP ALAM SEKITAR.

BELIAU BERKATA, DALAM PELAKSANAAN MELESEN KEGIATAN-KEGIATAN +DOWNSTREAM+, PENGUSAHA-PENGUSAHA YANG ADA YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN ATAU KEGIATAN YANG TIDAK DIKECUALIKAN DI BAWAH AKTA PEMBANGUNAN PETROLIAM AKAN TERUS DIBENARKAN MENJALANKAN KEGIATAN PADA HAD YANG ADA SEKARANG INI.

BAGAIMANAPUN, PERMOHONAN-PERMOHONAN BAGI PERLUASAN DARI HAD YANG ADA SEKARANG INI AKAN DIPERTIMBANGKAN MENURUT MERIT. — PERSAMBUNG 1837/AI

PETROLIAM 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERIKAN BUTIR-BUTIR MENGENAI SKOP PELESENAN BAGI KEDUA-DUA KEGIATAN +UPSTREAM+ DAN +DOWNSTREAM+ DAN YANG DIKECUALIKAN DARI PELESENAN.

KEGIATAN-KEGIATAN UPSTREAM TERMASUK PERNIAGAAN MENYEDIAKAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN MENGENAI PENEROKAAN DAN PENGELUARAN MINYAK MENTAH DAN GAS ASLI.

INI TERMASUK, PERKHIDMATAN UKUR DAN CARIGALI, KESEMUA PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN, TEKNIK DAN PERUNDINGAN YANG TERLIBAT DALAM KERJA-KERJA MENEROKA, MENGGALI DAN MENGELUARKAN MINYAK MENTAH DAN GAS ASLI, KESEMUA KERJA PEMBINAAN KEJURUTERAAN DAN PENYELENGGARAAN BERKAITAN DENGAN KEGIATAN-KEGIATAN +UPSTREAM+ SERTA PERKHIDMATAN RIGS DAN PENGGALIAN.

PEMBEKALAN SEMUA ALAT PERKAKAS UNTUK PENEROKAAN, PENGGALIAN DAN PENGELUARAN, PEMASANGAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN DAN PEMBEKALAN PERKHIDMATAN AM YANG MENGENAI KEGIATAN UPSTREAM ADALAH JUGA TERMASUK KEDALAM KEGIATAN TERSEBUT. — BERSAMBUNG 1842/AI

PETROLIAM 4 KUALA LUMPUR

KEGIATAN-KEGIATAN +DOWNSTREAM+ ADALAH YANG BERKAITAN DENGAN PENAPISAN, KEGIATAN MEMPROSES DAN MEMASARKAN MINYAK MENTAH DAN GAS ASLI DAN PEKILANGAN, PENGELUARAN, PEMASARAN DAN PEMBAHAGIAN PETROLIAM, BAHAN PETROKIMIA SERTA BAHAN-BAHAN BAJA.

SELAIN DARI ITU, SEMUA KEGIATAN PERNIAGAAN BERKAITAN DENGAN DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA PEMASARAN BORONG DAN PROSES PEMBAHAGIAN AKAN JUGA DILESEN.

INI TERMASUK MEMBAWA DAN MENGANGKUT BAHAN-BAHAN TERSEBUT ANTARA SATU PEMBAHAGI BORONG DENGAN YANG LAINNYA ATAU ANTARA SATU PEMBAHAGI BORONG DENGAN PERUNCIT.

PERNIAGAAN MENYIMPAN MINYAK DI DEPOH DAN MENYIMPAN BAHAN-BAHAN TERSEBUT SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA KEGIATAN JUALAN BORONG ADALAH TERMASUK DIDALAMNYA.

MENGENAI PEMBAHAGIAN RUNCIT MINYAK PETROL, DIESEL, MINYAK PEMBAKAR, LPG DAN MINYAK TANAH YANG SEBENARNYA BERKAITAN DENGAN STESEN-STESEN PAM MINYAK, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MEREKA TIDAK AKAN DILESEN SECARA PERSEORANGAN TETAPI DI PERINGKAT SYARIKAT MINYAK. — BERSAMBUNG 1900/1B

PETROLIAM 5 KUALA LUMPUR

SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK ADALAH DIKEHENDAKI MENGISYTIHARKAN BILANGAN, NAMA DAN TEMPAT STESEN-STESEN PAM MINYAK MEREKA DAN PEMBAHAG-PEMBAHAGI RUNCIT MEREKA.

PERMOHONAN BAGI MENDAPAT KEBENARAN UNTUK MENERUS ATAU MEMULAKAN PEMBAHAGIAN MENERUSI STESEN -STESEN PAM MINYAK DAN PERUNCIT MESTILAH DIPEROLEHI DARI SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK.

MENGIMPORT PETROLIAM DAN BAHAN-BAHAN PETROKIMIA ADALAH DILIPUTI OLEH KAWALAN IMPORT-EKSPORT BIASA YANG DITADBIRKAN OLEH KEMENTERIAN PEREAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

MEREKA AKAN TIKECUALI DARI AKTA PEMBANGUNAN PETROLIAM. — BERNAMA 1907/1B